

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
2.	YB Banting	A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19 - Sanitasi awam, ujian saringan atau pendaftaran vaksinasi fokus sektor perkilangan dan pembuatan, lebih bersasar dan fokus, kawasan perindustrian. - Van dan Bas Selangorku, di setiap PBT boleh untuk digunakan bagi mempercepatkan pemberian vaksin di Kawasan pedalaman Selangor. Aset di GLC dan PBT digunakan sebagai pusat vaksinasi.	- Pusat pemberian vaksin industri (PPVIN) di Kuala Langat ditempatkan di Pusat Biokomposit Dan Gentian (FIDEC), Lot 115, Jalan 6, Kompleks Perabot Olak Lempit, Banting. Bermula 28 Julai 2021 hingga 15 September 2021. - Laluan BTG 2 iaitu Bermula dari Bandar Banting – Taman Banting Baru –Permatang Pasir – Chodoi, adalah melalui 2 pusat vaksin iaitu : i. Kompleks Sukan MPKL ii. Dewan Orang Ramai Taman Banting Baru
4.	YB Sungai Air Tawar	- Pemberian vaksin percuma kepada rakyat dan syarikat industri. Fokus pemberian vaksin kepada ketua keluarga dan peniaga yang terdedah dengan penularan COVID-19. Mempercepatkan sasaran imuniti berkelompok dan meningkatkan kemampuan pemberian vaksin di daerah yang dijangkiti bagi menukar kawasan merah kepada hijau.	Data peniaga telah diberikan kepada pihak kerajaan Negeri Selangor dan KPKT.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
5.	YB Kuang	- Vaksinasi COVID-19 kepada penjawat awam perlu dipercepatkan supaya mereka boleh ke pejabat dengan kadar kehadiran yang lebih tinggi.	439 orang daripada 444 orang kakitangan MPKL telah divaksin. Seramai 5 orang lagi dalam proses temujanji vaksin di hospital.
12.	YB Selat Klang	- Pemberian Vaksinasi difokuskan kepada warga emas dan OKU serta mewujudkan PPVsecara <i>drive trough</i> khususnya untuk pekerja-pekerja industri.	- Pusat pemberian vaksin industri (PPVIN) di Kuala Langat ditempatkan di Pusat Biokomposit Dan Gentian (FIDEC), Lot 115, Jalan 6, Kompleks Perabot Olak Lempit, Banting. - Bermula 28 Julai 2021 hingga 15 September 2021.
1.	YB BukitLanjan	B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT - Kerajaan Negeri melihat semula vantilasi dan pembersihan penyaman udara di semua pejabat kerajaan dalam usaha pembendungan COVID-19 di tempat kerja.	Penyelenggaraan sistem hawa Dingin dibangunan MPKL dilaksanakan secara berkala setiap 3 bulan melalui kontraktor panel yang dilantik.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
	YB Banting	C. PENGURUSAN EKONOMI/ KEWANGAN - Dicapangkan agar sesetengah program tidak perlu kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor. PDT dan PBT boleh mempunyai kuasa melulus melibatkan bantuan kepada rakyat.	Pihak MPKL telah membuat penambahan peruntukan bantuan covid sebanyak RM10,000.00 bagi setiap MPP zon yang berjumlah RM240,000.00 keseluruhannya.
9.	YB Seri Setia	- Mohon tambahan peruntukan MARRIS untuk setiap PBT.	Mengikut dasar pemberian MARRIS oleh MOF.
10.	YB BandarUtama	- Inisiatif pengurangan cukai kepada pihak yang membantu Kerajaan Negeri dalam membendung penularan wabak COVID-19.	Tiada inisiatif untuk pengurangan cukai pada masa ini kepada pihak yang membantu kerajaan Negeri dalam membendung penularan wabak covid-19
1.	YB Banting	D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN - Pemerkasaan digitaliasasi urusan kerajaan perlu diperkukuhkan. - Projek-projek infrastruktur di bawah PBT dan Kerajaan Negeri perlu diberi pelepasan untuk berjalan, kelonggaran demi kesejahteraan rakyat.	- Untuk program pemerkasaan digitalisasi di MPKL beberapa program telah di laksanakan seperti berikut: i. Pembayaran online bagi urusan pembayaran cukai, pembaharuan lesen, sewaan, kompaun parkir dan bazar ramadan menerusi portal Etaksiran MPKL dan PBT PAY. ii. Aplikasi MPKL-ADU untuk pengaduan. iii. GIS MPKL-Capaian pemetaan kawasan MPKL secara online.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			- OSC 3.0 plus untuk permohonan dan pemajuan osc. - Projek-projek infrastruktur di bawah PBT dan Kerajaan Negeri mengikut sepertimana Dasar Kerajaan Negeri
4.	YB Kuang	- Penangguhan projek-projek pembangunan yang berskala besar dan dianjakkan ke tahun 2022 supaya Kerajaan Negeri memberi fokus sepenuhnya kepada masalah rakyat sepanjang tempoh PKP. - Projek-projek kecil yang berimpak tinggi boleh diberi keutamaan terlebih dahulu memandangkan tempoh pelaksanaanya boleh dilaksanakan dengan cepat. - Peruntukan PBT - Kerja pembersihan sampah dikembalikan semula kepada PBT kerana KDEB Waste gagal membersihkan kawasan taman dan kawasan komersial yang lain dengan sempurna. Pemantauan kutipan sampah adalah lemah dan tidak mengikut jadual	Tiada projek berskala besar di bawah peruntukan Negeri yang dilaksanakan pihak majlis. Dilaksanakan mengikut keperluan Setakat ini kerja pengurusan sisa pepejal adalah ditahap memuaskan dan aduan dapat diselesaikan dengan segera. Aduan yang diterima : 2018 – 65 aduan 2019 – 91 aduan 2020 – 113 aduan 2021 sehingga kini – 37 aduan Bagi kutipan sampah pukal. MPKL telah membuat penambahbaikan dengan melantik KDEB bermula Ogos 2021 dengan spesifikasi 4 kali sebulan berbanding dahulu kekerapan kutipan sebulan sekali.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
8.	YB Shah Alam(MP)	- Mencadangkan satu sesi libat urus dengan pihak pemain industri yang berkenaan bersama PBT bagi mendapatkan input berkaitan projek pembangunan untuk meminimumkan kesan negatif pandemik COVID-19.	Majlis Perbandaran Kuala Langat telah menetapkan 3 atau 4 sekali setahun untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC) sebagai alternatif membincangkan perancangan pembangunan dan perkara-perkara berbangkit yang melibatkan pekilang-pakilang di daerah Kuala Langat. Selain itu, pihak MPKL juga merupakan ahli tetap di dalam mesyuarat FMM Kuala Langat Regional Committee. Berikut adalah tarikh-tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC) dan mesyuarat FMM Kuala Langat Regional Committee yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020 dan 2021: <u>Mesyuarat IPMC</u> Tahun 2020 : 10 Januari 2020, 2 Oktober 2020 dan 24 Disember 2020 Tahun 2021 : 1 April 2021 <u>Mesyuarat FMM Kuala Langat Regional Committee 2020/2021</u> 8 oktober 2020 dan 4 April 2021

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
9.	YB Seri Setia	- Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT. - Mewujudkan dan memperbayakkan kawasan gerai-gerai terancang untuk membantupenjual kecil. - Mempergiatkan lagi bantuan pemasangan CCTV.	Tiada isu di MPKL kerana semua projek yang dijalankan berdasarkan jalan-jalan didaftar dibawah MARRIS Online. Tiada perancangan pada masa sekarang. Pihak MPKL menerusi inisiatif bandar selamat telah merancang beberapa program pemasangan cctv dan setakat ini 33 unit cctv telah di pasang. Sebanyak 10 unit cctv dibiayai oleh UPEN dan 23 unit cctv menerusi peruntukan MPKL.
12.	YB Klang (MP)	Kerajaan Negeri dicadangkan agar membina asrama untuk pekerja asing yang lengkap dan mematuhi SOP yang ditetapkan untuk mengelakkan penyebaran wabak COVID-19.	MPKL telah menerima pakai Pekeliling Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 1 Tahun 2021 untuk Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek MPKL juga menggunakan Garispanduan Penyediaan Kemudahan Penginapan Pekerja Untuk Pekerja Dalam Sektor Industri Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat yang telah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat MPKL bilangan 4/2021 bertarikh 23 Februari 2021.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
17.	YB Sijangkang	- PDT dan PBT perlu menyiapkan/ menyediakan pre com plan bagi kemudahan awam asassupaya perkara ini dapat dilaksanakan segera selepas tempoh pandemik. - Masalah sisa pepejal domestik semakin meningkat. - Isu Labuhan Dagang melibatkan aduan kerja-kerja jalan berlubang.	- Penyediaan pre com perlu disediakan oleh agensi yang menjadi pemilik tanah kemudahan tersebut untuk dikemukakan ke PDT untuk tujuan pewartaan. Bagi masalah sisa pepejal, MPKL telah menerima aduan mengikut tahun: 2018 – 65 aduan 2019 – 91 aduan 2020 – 113 aduan 2021 sehingga kini -37 aduan Setakat ni pengurusan KDEB di MPKL adalah memuaskan dan aduan dapat diselesaikan dengan segera. - Tidak melibatkan jalan-jalan dibawah seliaan MPKL
6.	YB Seri Setia	G. PENGURUSAN ALAM SEKITAR - Projek low carbon city dengan mencadangkan pemasangan alat tenaga solar di PBT, bangunan Kerajaan, masjid dan surau.	MPKL sentiasa menggalakkan pemasangan alat tenaga solar atau apa-apa bahan binaan yang menggunakan teknologi hijau, pencahayaan semulajadi dan alat penjimatan tenaga elektrik dalam pembinaan. Hal ini telah dinyatakan dalam setiap surat kelulusan pelan bangunan yang dikeluarkan. Beberapa kategori bangunan juga telah diwajibkan untuk memasang sistem pengumpulan air hujan.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
7.	YB Bangi (MP)	- Insentif menggalakkan penggunaan teknologi jimat tenaga - Kerajaan Negeri memberikan insentif kepada peniaga dan pekilang yang menaiktaraf peralatan jimat tenaga.	Mengikut dasar Kerajaan Negeri Tiada insentif diberikan.
8.	YB Pandan	- Memanfaat sisa pepejal melalui program recycle dan baja compose sisa bagimengelakkan timbunan sampah sarap yang menyebabkan banjir kilat.	MPKL telah membina Ecowaste Asher 2.5 tonne electric smokeless di Pasar Awam Banting bagi melupuskan sisa pepejal di pasar awam. Sehingga kini MPKL telah menghasilkan 200 kg abu yang mana abu tersebut boleh digunakan sebagai baja compose.
1.	YB Banting	H. PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI - Pertimbangan perlepasan membayar cukai taksiran dan cukai tanah dan kelonggaran bayaran secara ansuran.	Pihak MPKL dalam proses untuk membawa kertas kerja bagi meluluskan pengecualian denda lewat bagi cukai taksiran penggal dua 2021 pada mesyuarat jawatankuasa kewangan bilangan 7/2021 pada bulan Ogos di mana pemilik harta boleh membayar cukai taksiran bagi penggal dua 2021 sehingga 31 Disember 2021 tanpa dikenakan denda lewat. Pihak MPKL juga telah mengambil inisiatif memberi peluang pemilik harta yang mempunyai baki tunggakan dan mempunyai masalah kewangan untuk membuat bayaran secara ansuran.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
2.	YB Sungai AirTawar	- Pengecualian daripada fi Lesen PBT kepada usahawan IKS/ peniaga kecil.	Pengecualian lesen PBT kepada usahawan IKS dan peniaga kecil tertakluk kepada keputusan pihak kerajaan Negeri. Bermula tahun 2016, pengecualian fi lesen telah diberikan kepada penjaja sehingga tahun terkini
3.	YB Kuang	- Kadar sewa yang tinggi di Selangor menyebabkan ramai penduduk yang hilangpendapatan tidak dapat membayar sewa.	Tidak berkaitan dengan sewaan premis perniagaan
4.	YB Pelabuhan Klang	I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT - JMB pangsapuri kos rendah tidak mempunyai keupayaan kewangan kerana penghuni tidak mampu membayar yuran. Kesannya, JMB tidak dapat menguruskan fasiliti dan membayar utiliti dan kos penyelenggaraan seperti bil elektrik, air dan kos pembersihan.	Semakan 6 JMB Pangsapuri Kos Rendah di Daerah Kuala Langat iaitu; 1. Pangsapuri Taman Dato Hormat 2. Rumah Pangsa Impian, Bandar Saujana Putra 3. Pangsapuri Pelangi, Tanjung Sepat 4. Pangsapuri Blok EFG, Bandar Sungai Emas 5. Pangsapuri Carnation, Taman D' Menara 6. Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama. Mendapati hampir semua kawasan mengalami penurunan kutipan caj penyenggaraan dan perbelanjaan melebihi kutipan caj. Ini menyebabkan JMB/MC menggunakan simpanan bagi menampung kos operasi penyenggaraan.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
14.	YB Petaling Jaya (MP)	- Bantuan sokongan kepada golongan B40 dan M40 dengan memberikan pelepasan sewa dan bantuan kepada IKS.	Mmkn bil. 25/2021 telah mengesahkan dan bersetuju pengecualian diberi untuk bln 6 dan 7 terhad kpd premis yang tidak beroperasi sahaja semasa tempoh pkp dan pkpd. Berdasarkan arahan tersebut pihak mpkl akan memberi pengecualian 2 bulan kepada premis yang tidak beroperasi semasa tempoh pkp dan pkpd.
16.	YB Pandamaran	- Bantuan kepada penjaja kecil - Penyediaan kemudahan pengangkutan (Bas Smart Selangor) ke pusat vaksin.	Bantuan kepada peniaga kecil diberikan terus kepada peniagaan oleh kerajaan Negeri Selangor melalui senarai peniaga di PBT Lualuan BTG 2 iaitu Bermula dari Bandar Banting – Taman Banting Baru –Permatang Pasir – Chodoi, adalah melalui 2 pusat vaksin iaitu : i. Kompleks Sukan MPKL ii. Dewan Orang Ramai Taman Banting Baru
17.	YB Morib	- Penjaja kecil tidak mempunyai SSM untuk berniaga. Mereka tidak layak untuk menerima bantuan. Kerajaan Negeri dipohon untuk mempertimbangkan perkara ini.	Syarat utama yang dikenakan oleh pihak kerajaan Negeri Selangor perlu mempunyai lesen yang sah daripada PBT. Kerajaan Negeri boleh mempertimbang untuk permohonan tersebut
21.	YB Banting	- Penyediaan kemudahan PPV dengan menggunakan khidmat Bas Smart Selangor di Kawasan-kawasan perumahan (luar bandar).	Lualuan BTG 2 iaitu Bermula dari Bandar Banting – Taman Banting Baru –Permatang Pasir – Chodoi, adalah mengambil kira kawasan luar bandar bagi menghubungkan Pusat Vaksin di Dewan Orang Ramai Taman Banting Baru.

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
23.	YB Sekinchan	- Bantuan kepada rakyat yang susah dan terjejas dengan menambah RM50K (bakulmakanan) setiap DUN untuk B40 yang terkesan. - Cadangan petani diberikan insentif oleh Kerajaan Negeri sebanyak <i>one-off</i> RM500 bagi membantu petani hasilnya yang terjejas.	Pihak Majlis telah menyalurkan bantuan bakul makanan melalui ahli majlis kepada masyarakat yang terjejas dengan anggaran 14,400 unit bakul makanan.
24.	YB BukitMelawati	- Sewaan kedai boleh diberi pengecualian kepada peniaga.	Mmkn bil. 25/2021 telah mengesahkan dan bersetuju pengecualian diberi untuk bln 6 dan 7 terhad kpd premis yang tidak beroperasi sahaja semasa tempoh pkp dan pkpd. Berdasarkan arahan tersebut pihak mpkl akan memberi pengecualian 2 bulan kepada premis yang tidak beroperasi semasa tempoh pkp dan pkpd.
26.	YB TanjongKarang (MP)	- Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu tafsiran.	Tiada moratorium diberi untuk cukai taksiran
30.	YB Sungai Panjang	- Memohon PBT beri kelonggaran penguatkuasaan kepada penjaja kecil untuk berniaga tanpa lesen dalam tempoh pandemik.	Kelonggaran diberikan jika keputusan dicapai diperingkat tertinggi, namun demikian para peniaga perlu menjalankan perniagaan yang sesuai dan patuh dengan syarat pelesenan. Bagi peniaga yang tidak dapat memperbaharui lesen semasa tempoh PKP, mereka tidak akan dikenakan tindakan.

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
31.	YB Seri Setia	- Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau diberikan pengecualian sewa ketika PKP. -	Mmkn bil. 25/2021 telah mengesahkan dan bersetuju pengecualian diberi untuk bln 6 dan 7 terhad kpd premis yang tidak beroperasi sahaja semasa tempoh pkp dan pkpd. Berdasarkan arahan tersebut pihak mpkl akan memberi pengecualian 2 bulan kepada premis yang tidak beroperasi semasa tempoh pkp dan pkpd.
34.	YB Rawang	- Subsidi RM20 untuk Rebat Pengangkutan.- mohon Bas Smart Selangor digunakan untuk menghantar individu yang perlu ke PPV kerana subsidi grab RM20 tidak digunakan di kawasan sukar mendapatkan perkhidmatan e-hailing	Bagi kawasan yang sukar mendapatkan perkhidmatan e-hailing, pihak MPKL telah membuat pindaan Laluan Bas BTG 2. Pindaan ini adalah untuk menghubungkan kawasan luar bandar ke Pusat Vaksin Dewan Orang Ramai Taman Banting Baru.

PENGESAHAN KETUA JABATAN


 DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI RED NAIM, D.M.P.
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kuala Langat